

Ahli Umno diingat patuhi keputusan

BH 5 JUN 1984

ALOR STAR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan ahli-ahli Umno supaya menghormati sebarang keputusan mesyuarat agung bahagian masing-masing.

Katanya, ini penting untuk memastikan perpaduan antara mereka terus terjalin dan Umno tetap kukuh selepas pemilihan di bahagian-bahagian.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan demikian selepas

menghadiri mesyuarat Umno Perhubungan Negeri yang diadakan di Mentahloon di sini lebih dua jam pagi ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Umno Perhubungan Negeri.

Menurut Perdana Menteri, orang yang kalah dalam mana-mana pemilihan biasanya tidak akan berpuas hati dengan keputusan pemilihan itu.

Beliau berharap ahli-ahli Umno akan menerima keputusan ramai untuk menjamin varti terus berkembang dan kukuh.

Sementara itu, Datuk Seri Syed Nahar berkata mesyuarat itu telah membuat keputusan mengenai kes Ketua Umno Bahagian Alor Star, Datuk Haji Khalid Abdullah dan Ketua Umno Bahagian Padang Terap, Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin.

"Setelah dikaji mesyuarat mendapati bahawa pemilihan Datuk Haji Khalid ada-

lah sah dan memorandum jawatankuasa 'bertindak telah ditolak,' tambahnya.

Memorandum yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Bertindak Pemuda Umno Padang Terap kepada Tan Sri Syed Ahmad juga ditolak.

Menurutnya, mesyuarat jawatankuasa perhunungan mendapati memorandum-memorandum itu bertentangan dan melanggar peraturan parti.

Datuk Seri Syed Nahar berkata, pihaknya

juga akan mengambil tindakan disiplin ke atas orang yang menulis memorandum-memorandum itu.

Menurutnya, laporan mengenai mereka yang terlibat itu akan disiapkan dan diserahkan kepada Majlis Kerja Tertinggi Umno untuk tindakan disiplin yang difikirkan sesuai bagi mereka.

Selain itu, mesyuarat itu juga mencadangkan supaya usaha-usaha dijalankan untuk mendisiplinkan ahli-ahli dalam menghadapi pemilihan parti peringkat cawangan, bahagian dan kebangsaan.

Katanya, Umno Perhubungan Negeri juga akan mendesak MKT mengkaji semula syarat-syarat pertandingan bagi memastikan tidak timbul 'politik wang' dan 'puak-puak' dalam parti di masa akan datang.

Beliau menegaskan, usaha itu penting bagi mengelakkan kesan negatif dalam pemilihan Umno dan memastikan perpaduan antara ahli-ahli Umno terus kukuh dan erat.